

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN DAN PENUTUP**

#### **5. RUMUSAN DAN CADANGAN**

##### **5.1 Pengenalan**

Dalam bab ini pengkaji akan membuat rumusan dan cadangan hasil kajian yang telah diperoleh. Rumusan akan dibuat berdasarkan bab-bab yang terdapat dalam kajian ini serta dapatan-dapatan yang diperoleh dan disesuaikan dengan skop serta objektif kajian. Cadangan pula dibuat berdasarkan beberapa masalah yang ditemui berkaitan kajian ini bagi mencuba membaik kelemahan yang terdapat pada subjek kajian.

##### **5.2 Rumusan tentang penerimaan pelajar dan guru sekolah menengah terhadap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998.**

Kajian tentang penerimaan pelajar dan guru sekolah menengah terhadap buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 meliputi empat aspek:

- i. Genre yang paling mendapat sambutan dan yang paling tidak mendapat sambutan.
- ii. Bentuk atau isi karya yang bagaimakah yang mendapat sambutan masyarakat.
- iii. Faktor-faktor mengapa karya sastera tidak mendapat sambutan di Sarawak.
- iv. Faktor-faktor mengapa karya sastera mendapat sambutan di Sarawak.

Buku-buku sastera yang terlibat dalam kajian ini mencakupi tiga genre iaitu novel, antologi cerpen dan antologi puisi. Kesemua sampel kajian ialah buku-buku yang terbit dalam tempoh 1988 hingga 1998.

### **5.2.1 Genre yang paling mendapat sambutan**

Genre yang paling mendapat sambutan ialah novel. Jumlah responden yang membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 ialah pelajar 37.6% dan guru 14.58%. Keseluruhan responden yang membaca novel berkenaan ialah 30.13%. Penemuan ini menunjukkan pelajar dan guru lebih gemar membaca novel berbanding genre cerpen dan puisi.

### **5.2.2 Genre yang paling tidak mendapat sambutan**

Puisi merupakan genre yang paling tidak banyak dibaca oleh pelajar dan guru. Keseluruhan responden yang membaca puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 ialah hanya 8.37%. Pecahan kadar pembacaan puisi ialah pelajar 10.8% dan guru ialah 3.34%.

### **5.2.3 Bentuk atau isi karya yang mendapat sambutan**

Karya yang mendapat sambutan ialah paling digemari oleh pelajar dan guru ialah karya yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Jalan cerita yang mudah dan menarik.
- ii. Tema dan persoalan yang menarik.
- iii. Cerita yang dapat menimbulkan perasaan marah, benci, cinta dan sangat yang sesuai dengan tema yang dikemukakan.
- iv. Teknik cerita yang menarik.

- v. Bahasa puisi yang indah.
- vi. Isi karya yang senang difahami.

#### **5.2.4 Bentuk atau isi karya sastera tidak mendapat sambutan**

Karya tidak mendapat sambutan atau tidak digemari oleh pembaca ialah:

- i. Tema dan persoalan yang tidak menarik.
- ii. Karya yang terlalu panjang.
- iii. Bahasa yang susah dan isi yang sukar difahami.
- iv. Teknik penyampaian yang terlalu simbolis.

#### **5.2.5 Faktor-faktor karya sastera tidak mendapat sambutan di Sarawak**

Faktor yang menyebabkan karya sastera tidak mendapat sambutan di Sarawak terbahagi kepada 2 iaitu:

- 1. Faktor dalam karya (teks)
  - 1.1. Teks atau karya yang tidak menarik dari segi tema, jalan cerita dan teknik dan bahasa yang sukar difahami oleh pembaca.
- 2. Faktor luar karya (teks)
  - 2.1. Tidak ada duit khas untuk membeli buku.
  - 2.2. Tidak ada masa untuk membaca karya sastera yang terlalu panjang akibat beban kerja harian yang banyak.
  - 2.3. Tidak mengetahui tentang penerbitan karya berkenaan di pasaran.
  - 2.4. Tidak menemui karya berkenaan di pasaran atau perpustakaan.
  - 2.5. Secara semula jadi memang tidak meminati sastera.

### **5.3 Rumusan tentang kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998**

Kedudukan buku sastera yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini ialah melihat sejauh mana karya-karya tersebut berperanan dalam kehidupan harian pembaca (responden). Aspek yang dilihat ialah berkaitan peranan, fungsi serta pandangan khusus responden terhadap keperluan dan kepentingan bidang sastera dalam kehidupan harian. Kajian juga melibatkan perbandingan jumlah buku terjual antara buku sastera dengan buku-buku bidang lain di Sarawak.

Kajian ini mendapat sebahagian besar responden mempunyai pandangan yang positif terhadap bidang sastera. Pelajar dan guru benar-benar yakin bahawa sastera mampu membentuk akhlak atau keperibadian mulia masyarakat melalui karya-karya sastera. Responden juga berpendapat mereka tidak akan berasa rendah diri jika mengambil jurusan sastera atau meminati bidang sastera berbanding bidang-bidang lain. Minat responden terhadap sastera juga kerana mereka benar-benar memahami dan menyedari sastera mampu menyumbangkan pemikiran dan idea yang bernas untuk faedah kehidupan. Ini menunjukkan bahawa pelajar dan guru berkenaan meyakini dan memahami fungsi serta keperluan sebenar sastera dalam membentuk minda dan sikap positif masyarakat.

Bagaimanapun didapati pelajar dan guru berkenaan walaupun yakin dan bersikap positif terhadap sastera mereka sebenarnya kurang membaca karya sastera. Sebahagian besar responden hanya membaca beberapa buah karya eceran yang terdiri daripada beberapa buah cerpen, puisi, kritikan

sastera dan drama. Hanya sekitar 6% responden yang telah membaca lebih daripada 15 buah buku sastera.

Ini memperlihatkan secara praktiknya, pelajar dan guru tidak banyak membaca dan menghayati karya sastera walaupun yakin dan percaya terhadap kebaikan daripada pembacaan tersebut. Sikap ini mungkin disebabkan oleh secara semula jadi mereka memang kurang membaca atau mereka tidak membaca kerana faktor beban kerja yang banyak, suasana yang tidak menggalakan dan tidak ada keperluan yang mendesak untuk mereka membaca. Tindakan tertentu oleh beberapa pihak seperti DBP, Kementerian Pendidikan dan Perpustakaan Negara perlu dibuat bagi memupuk minat pelajar dan guru membaca karya sastera.

Karya sastera walaupun mempunyai isi yang baik tetapi jika tidak dibaca oleh masyarakat maka ia tidak akan memberi apa-apa makna. Ini kerana sastera diciptakan untuk dibaca, untuk dinikmati, dihayati dan dialami bersama-sama.<sup>14</sup> Jika masyarakat tidak membaca karya sastera, maka proses pemupukan akal budi masyarakat tidak akan berjalan seperti yang diharapkan.

### **5.3.2 Fungsi sastera dan peranan sastera dalam kehidupan seharian responden pelajar dan guru**

Kajian ini juga mendapati pelajar dan guru berkenaan bersikap positif terhadap peranan sastera dalam membantu kehidupan seharian mereka. Responden yakin bahawa bidang sastera mampu menjamin masa depan dari aspek mencari pekerjaan. Mereka juga amat yakin bidang sastera

---

<sup>14</sup>A. Teeuw, *Membaca dan Menilai Sastera*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 8.

mempunyai kegunaan yang sama dalam kehidupan seharian sebagaimana bidang sains, pembuatan dan ekonomi.

Di peringkat yang lebih tinggi, pelajar dan guru juga meyakini bidang sastera mampu membantu membangunkan negara Malaysia. Perkara ini ditegaskan lagi apabila responden turut yakin sastera akan tetap mampu memainkan peranan yang serupa dalam era wawasan 2020 kelak. Cara sastera membantu membangunkan Malaysia menurut responden ialah melalui pembentukan peribadi mulia rakyat oleh karya sastera. Penulis melalui karya-karya mereka adalah penjaga nilai-nilai moral dan concience masyarakatnya.<sup>15</sup> Sastera juga dapat membantu membangunkan negara melalui kebanggaan rakyat terhadap identiti bangsa Malaysia yang memiliki sasteranya sendiri.

Sikap positif serta keyakinan yang tinggi terhadap peranan dan kegunaan sastera dalam kehidupan seharian menunjukkan pelajar dan guru meletakkan sastera pada kedudukan yang wajar. Sikap ini sebenarnya perlu dijelmakan ke dalam bentuk pengamalan iaitu mereka perlu banyak membaca, menikmati dan menghayati karya sastera. Hanya dengan cara ini barulah kesan sebenar sastera dapat dirasai dan mempengaruhi hidup mereka. Yang pasti, pelajar dan guru masih tetap memandang tinggi peranan, fungsi dan sumbangan bidang sastera kepada masyarakat dan negara.

---

<sup>15</sup>Baharuddin Zainal, "Peranan Penulis Dalam Negara membangun", dlm. *Pemimpin dan Sasterawan*, A. Karim Haji Abdullah (Penyelenggara), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 113.

### **5.3.3 Kedudukan buku sastera terbitan DBP dalam perpustakaan sekolah**

Kajian ini mendapati kedudukan buku sastera terbitan DBP adalah lebih baik berbanding buku sastera penerbit lain. Koleksi buku sastera terbitan DBP yang terdapat dalam perpustakaan sekolah yang dikaji adalah antara 30% hingga 60% daripada koleksi buku keseluruhan dalam perpustakaan sekolah berkenaan. Ini menunjukkan keyakinan terhadap buku sastera adalah tinggi. Respon pengguna terhadap buku sastera terbitan DBP juga adalah baik. Kajian ini turut mendapati ada di kalangan pengguna pernah membuat permintaan agar perpustakaan membeli buku-buku terbitan DBP terutamanya buku kreatif.

Kedudukan buku sastera terbitan DBP adalah lebih baik berbanding buku sastera penerbit lain disebabkan oleh keyakinan pengguna terhadap aspek mutu. Kesemua responden yakin bahawa buku sastera terbitan DBP adalah bermutu dari sudut bahasa, cerita (isi) dan harga yang berpatutan. Tiga aspek tersebut menjadikan buku berkenaan berkedudukan lebih baik berbanding buku sastera terbitan penerbit lain.

Sebahagian besar perpustakaan sekolah yang dikaji juga memiliki buku sastera yang khusus diterbitkan oleh DBP Sarawak. Buku yang banyak dibaca oleh pelajar dan guru (novel dan cerpen) juga didapati dihampir semua perpustakaan sekolah berkenaan. Ini menggambarkan kedudukan buku sastera terbitan DBP Sarawak secara khusus juga adalah baik.

Secara keseluruhannya kajian ini mendapat kedudukan atau penerimaan terhadap buku sastera terbitan DBP adalah lebih baik berbanding buku sastera penerbit lain. Ini menggambarkan buku sastera DBP masih

mempunyai potensi yang baik dari sudut pembacaan dan keyakinan pengguna.

#### **5.3.4 Kedudukan buku-buku sastera terbitan DBP berbanding buku-buku bidang lain**

Kajian ini juga mendapati buku sastera adalah lebih banyak terjual berbanding buku bidang lain (bukan sastera). Purata jumlah buku sastera yang terjual dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000 ialah sebanyak 37.3 naskhah. Bagi buku bidang lain, purata jualan dalam tempoh tersebut hanyalah sebanyak 4.45 naskhah. Keadaan ini mungkin turut disebabkan oleh faktor harga iaitu buku sastera sebahagian besar lebih murah berbanding buku bidang lain yang harganya lebih mahal. Khalayak buku bidang lain juga adalah terhad.

Keadaan ini sudah mencerminkan bahawa potensi sebenar buku sastera untuk dipasarkan adalah masih tinggi. Usaha oleh DBP terutamanya perlu digembleng untuk memastikan buku sastera yang diterbit akan terus mendapat sambutan. Jika DBP lebih agresif dalam pemasaran buku, kemungkinan buku sastera akan lebih banyak terjual adalah lebih tinggi.

#### **5.4 Pandangan pelajar dan guru terhadap keberkesaan kurikulum sastera yang dilaksanakan di sekolah menengah**

Sebahagian besar pelajar dan guru menganggap kurikulum sastera yang dilaksanakan di sekolah menengah sekarang adalah kurang berkesan. Ini kerana dari segi kesan, responden tidak yakin bahawa pengajaran dan

pembelajaran sastera di sekolah mampu menyemai dan membina minat berterusan pelajar terhadap sastera. Bahkan pelajar hanya membaca karya sastera adalah semata-mata untuk keperluan peperiksaan.

Pengajaran dan pembelajaran sastera mestilah melalui penelitian karya sastera dari segi maknanya kepada kehidupan yang beradab. Makna ini pula dilihat dari dua sudut: Makna dari segi struktur, yang mencirikan keindahan sesebuah karya; dan makna dari segi perutusan (isi, falsafah, mesej, moral, dan sebagainya) yang mencirikan kebenaran dari segi worldview tauhid.<sup>16</sup> melalui kaedah tersebut pelajar akan dapat merasakan keindahan sebenar karya sastera serta kepentingan untuk terus menikmati dan menghayati karya sastera biarpun mereka tidak lagi berada di alam persekolahan.

Konsep pendidikan sastera haruslah dapat dibezakan dengan semata-mata pengajaran sastera. Ini kerana pendidikan dapat membantu pertumbuhan sepenuhnya sahsiah seseorang individu sedang pengajaran hanya melatih seseorang individu atau kumpulan untuk melakukan setengah-setengah tugas dengan cekap.<sup>17</sup>

Bagaimanapun kurikulum yang sedia ada tidak perlu dirombak keseluruhannya. Kajian ini mendapati responden mahu beberapa penambahbaikan dilakukan terhadap isi (sukatan pelajaran) dan cara pengajaran. Kaedah yang terlalu menekankan kehendak peperiksaan harus dikurangkan kepada penghayatan sebenar untuk kegunaan hidup sehari-hari.

---

<sup>16</sup>Mohd. Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992. hlm. 9.

<sup>17</sup>Syed Ali Ashraf, Kata Pengantar dlm. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*, Syed Muhammad Naquib Al-Attas, (Terjemahan Shamsudin Jaafar), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. xi.

pelajar. Dicadangkan juga agar teks kajian tidak terhad kepada teks khusus. Ini akan membuka horizon penghayatan kepada teks yang lebih banyak.

## 5.5 Cadangan

Pada bahagian ini pengkaji akan membuat beberapa cadangan yang berdasarkan beberapa masalah yang ditemui dalam kajian ini. Cadangan meliputi aspek kaedah menggalakan minat terhadap sastera, kaedah mlariskan buku-buku sastera terbitan DBP di pasaran dan kaedah menambah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah menengah.

### 5.5.1 Langkah menyemai dan memupuk minat membaca karya sastera di kalangan masyarakat

Pembacaan karya sastera sama ada novel, cerpen mahupun puisi di kalangan masyarakat didapati masih rendah. Sikap rajin dan gemar membaca ini mesti disemai dan dipupuk bagi memastikan masyarakat Malaysia umumnya memperolehi sebanyak mungkin maklumat, pengetahuan dan ilmu. Bagi menggalakkan masyarakat suka membaca karya sastera pula, dicadangkan.

1. Novel, cerpen dan puisi yang dihasilkan harus mengisahkan permasalahan atau berlatar belakang masyarakat tempatan. Contohnya, ialah cerita legenda, sejarah negeri, peristiwa penting dalam negeri atau pengalaman tokoh-tokoh tertentu.
2. Novel, cerpen dan puisi yang dihasilkan mestilah mampu menimbulkan semangat, motivasi serta harapan yang positif kepada pembaca. Contohnya novel yang mengambil latar

sejarah tempatan seharusnya mampu menyemai semangat perjuangan atau kesedaran membela tanahair di hati pembaca.

3. Novel, cerpen dan puisi wajar ditulis dengan bahasa yang mudah tetapi indah, diceritakan dengan plot yang senang difahami dan tidak terlalu panjang. Contohnya novel, yang mudah dibaca harus kurang dari 200 halaman. Dalam keadaan sekarang, masyarakat agak kesuntukan masa lapang, jadi untuk memastikan mereka dapat membaca karya sastera, novel, cerpen dan puisi seeloknya ditulis dengan lebih pendek.

### **5.5.2 Langkah memupuk minat masyarakat terhadap sastera**

Minat masyarakat terutamanya pelajar sekolah dapat dipupuk dan dipertingkat lagi melalui kerjasama erat antara Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan dan sekolah dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kerjasama ini penting bagi mengadakan beberapa kegiatan pemupukan dan peningkatan minat pelajar terhadap bidang sastera. Kegiatan yang sesuai dilaksanakan secara bersama antara sekolah dan DBP ialah:

- i. Diskusi karya/buku.
- ii. Peraduan menulis sastera kreatif peringkat sekolah.
- iii. Bengkel asas penulisan kreatif.
- iv. Kempen membaca karya sastera.
- v. Sayembara deklamasi puisi tradisional dan moden.

### **5.5.3 Kaedah meningkatkan peranan sekolah dalam menggalakkan minat membaca buku/bahan sastera**

Kajian ini mendapati pelajar dan guru sekolah tidak memperuntukkan duit khas setiap bulan untuk membeli buku. Mereka sebahagian besarnya bergantung kepada perpustakaan sekolah untuk memperolehi bahan bacaan tambahan terutamanya buku sastera. Dalam usaha kita membina budaya

membaca di kalangan masyarakat, sesuai dengan keperluan negara menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat berilmu dan bermaklumat, prasarana perlu disediakan.

Kepentingan pusat ilmu atau di peringkat sekolah iaitu perpustakaan dalam melahirkan masyarakat yang cerdik dan berilmu penting dalam konteks pembinaan negara maju dan berdaya saing. Umar Ubayd Hasanah menegaskan, tidak ada tempat bagi orang yang malas, tidur, lemah dan bodoh di dalam dunia yang dikuasai oleh orang yang berusaha dan cerdik.<sup>18</sup> Jelas sekali orang yang cerdik adalah orang yang cintakan ilmu dan orang yang banyak membaca. Maka budaya ini harus ditanam dalam setiap pelajar dan guru.

Langkah yang boleh dibuat dalam meningkatkan peranan perpustakaan sekolah sebagai pusat ilmu dan menggalakkan sikap suka membaca di kalangan pelajar dan guru ialah:

- i. Menyediakan koleksi buku sastera yang banyak dan buku sastera terbaru yang terbit. Dana bagi membeli buku ini mesti diperuntukkan secara tetap oleh pihak sekolah.
- ii. Dana juga boleh dipohon melalui Persatuan Ibumapa dan Guru (PIBG), dan pihak swasta. Inisiatif harus dimulakan oleh sekolah dan PIBG.
- iii. Menyediakan guru yang dilatih sebagai pustakawan secara sepenuh masa. Ini penting bagi meningkatkan kecekapan pengurusan perpustakaan sekolah, penyediaan aktiviti perpustakaan yang lebih menarik dan peningkatan taraf perpustakaan sekolah sebagai pusat ilmu dan pusat maklumat.

---

<sup>18</sup>Umar Ubayd Hasanah, Kata Pengantar dlm. *Orientalisme: Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*, Dr. Mahmud Hamdi Zaqzuq (Terjemahan Mudasir b. Rosder dan Che Yusuf b. Che Mat), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. xi.

Dalam hal ini DBP perlu terlibat dalam menyediakan buku-buku sastera dengan potongan harga yang istimewa kepada sekolah. Skim bantuan buku umum bahasa dan sastera yang mengambil bentuk skim bantuan buku teks di sekolah sekarang boleh dilaksanakan. Kementerian Pendidikan perlu terlibat dalam perancangan dan penyediaan dana bagi mempertingkatkan kemudahan di perpustakaan sekolah.

#### **5.5.4 Kaedah memperkenalkan buku DBP sastera di kalangan pelajar dan guru sekolah**

Kajian ini mendapati sebab utama pelajar dan guru tidak membaca buku sastera ialah kerana faktor luar teks (karya). Antara faktor tersebut ialah mereka tidak tahu tentang penerbitan sesuatu buku sastera. Perkara ini menyebabkan pelajar dan guru tidak terdorong untuk membaca buku-buku sastera terbitan DBP. Dalam hal ini pelajar dan guru perlu didedahkan dengan buku-buku sastera terbaru terbitan DBP.

Guru dan pelajar tidak tahu tentang sesuatu penerbitan buku oleh DBP kerana kurangnya publisti terhadap buku tersebut. DBP perlu membuat publisiti yang agresif bagi buku-buku yang diterbitkan untuk memastikan masyarakat mengetahui tentang penerbitan buku-buku yang diterbitkan. Kajian oleh Caples (1957)<sup>19</sup> dan (1979)<sup>20</sup>, Bodian (1983)<sup>21</sup> dan Margolis (1985)<sup>22</sup> membuktikan bahawa promosi dari iklan begitu berjaya dalam meningkatkan jualan untuk buku, terutamanya buku-buku dalam bentuk set.

---

<sup>19</sup>John Caples, *Making Ads Play*, Dover, New York, 1957.

<sup>20</sup>John Caples, *Tested Advertising Methods*, Edisi Ke-4, (Englewood Cloft), Prentice-Hall, 1974.

<sup>21</sup>Nat. G. Bodian, *Book Marketing Handbook*, Vol.2, R. Bowker, New York, 1983.

<sup>22</sup>Lihat Esther Margolis, "The Book Publicity" dlm. Gesher, Dolin Topkins, 1985.

Ini menunjukkan bahawa maklumat awal serta publisiti yang cekap mampu menarik masyarakat untuk membeli dan seterusnya membaca buku.

Bagi memastikan pelajar dan guru mengetahui serta mendapat maklumat yang lengkap tentang sesuatu buku terbitan DBP, maka dicadangkan.

- i. Katalog buku terbitan DBP hendaklah dihantar terus ke setiap sekolah oleh pihak DBP. Sekolah akan bertanggunjawab mempamerkan katalog tersebut di papan kenyataan untuk makluman pelajar dan guru.
- ii. DBP menyediakan tempat khas untuk memperagakan buku-buku sastera terbitannya di setiap sekolah. Setiap kali ada judul baru yang terbit. Ini memberi peluang kepada pelajar dan guru melihat secara dekat buku terbaru terbitan DBP. Ini akan menggalakkan mereka untuk membaca buku berkenaan.

### **5.5.5 Kaedah mlariskan jualan buku-buku sastera terbitan DBP**

Kajian ini mendapati buku sastera terbitan DBP sebenarnya lebih laris berbanding buku bidang lain. Ini menunjukkan pasaran buku sastera adalah baik jika dijalankan beberapa langkah tertentu berkaitan pemasaran buku. Hamedi Mohd. Adenan dalam kajiannya mendapati purata buku umum terbitan DBP yang terjual bagi setiap judul ialah hanya 21%. Kelembapan ini menurutnya adalah disebabkan oleh antara lain kekurangan profesionalisma dalam penjualan buku buku.<sup>23</sup>

Di peringkat pegawai DBP sendiri, mereka mestilah perasaan cinta kepada buku dan seterusnya membaca buku. Hanya dengan cara ini mereka dapat memahami isi buku, khalayak serta keperluan sebenar pembeli buku.

---

<sup>23</sup>Hamedi Mohd. Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, hlm. 52.

Maklumat ini akan dapat membantu mereka merancang strategi pemasaran buku secara lebih efektif. Ini bersesuaian dengan pandangan Meelcher (1926) yang menyatakan bahawa seorang penjual buku seharusnya seorang intelektual.<sup>24</sup>

Bagi memastikan buku-buku terbitan DBP terjual langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan oleh DBP:

1. Membanyakkan kegiatan promosi buku di sekolah, di jabatan kerajaan dan ditempat awam seperti pusat membeli belah. Promosi boleh dibuat dengan cara mengedarkan brosur, katalog judul buku dan lawatan promosi.
2. Membanyakkan kegiatan diskusi buku atau bicara karya. Kegiatan ini boleh diadakan di jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah. Melalui cara ini masyarakat akan lebih terdedah dan tertarik dengan buku-buku terbitan DBP.
3. Mengadakan kegiatan jualan di kawasan-kawasan jauh dari bandar-bandar utama. Jualan buku DBP secara bergerak atau melalui wakil/pengedar perlu diadakan di daerah kecil, kampung atau sekolah. Ini memberi kemudahan kepada masyarakat yang jarang ke bandar-bandar utama agar dapat membeli buku.

#### **5.5.6 Kaedah menambah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah menengah**

Pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah sekarang dikatakan masih lagi terikat dengan cara lama, iaitu terlalu menekankan aspek formalistik.<sup>25</sup> Beberapa kaedah atau cara telah dicadangkan oleh tokoh pendidik dalam mengajar sastera di sekolah mahupun IPT. Satu aspek yang tidak begitu ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran sastera di

---

<sup>24</sup>Frederick G. Meelcher, *The Succesful Bookshop*, National Association of Book Publisher, New York, 1926, hlm. 21.

<sup>25</sup>Sahlan Mohd. Saman “Pengajaran dan Pembelajaran Kesusastraan Melayu” dlm. *Pengajaran Sastera*, Othman Puteh (Penyelenggaran), hlm. 62.

sekolah ialah pelajar tidak diwajibkan menghasilkan karya sastera. Maka bagi membantu menambah kefahaman, penghayatan dan pengetahuan pelajar terhadap sastera adalah dicadangkan

1. Pelajar diwajibkan menghasilkan satu atau satu kumpulan karya sastera pada setiap hujung semester persekolahan sebagai syarat lulus penuh mata pelajaran sastera.
2. Kajian terhadap teks sastera hendaklah tidak terlalu terikat kepada teks yang telah ditentukan oleh kementerian, tetapi boleh menggunakan teks lain yang turut disenaraikan sebagai bacaan tambahan.

Ini memastikan pelajar mampu memahami, menafsir, dan menilai semua karya tanpa terikat dengan teks tertentu sahaja. Bahkan novel yang hendak dipilih sebagai buku teks disamping betul tatabahasanya, keprihalan manusia yang menjadi tema novel itu pun hendaklah menuju ke arah pembentukan peribadi manusia yang sekali gus beriman kepada Allah.<sup>26</sup> Ini bagi menjamin pelajar mendapat kesan dan manfaat yang berterusan daripada teks tersebut.

## 6. Penutup

Keseluruhannya kajian ini mendapat keyakinan guru dan pelajar terhadap sastera (buku sastera) adalah baik. Hanya dari sudut pembacaan di dapat pelajar dan guru di dapat tidak begitu banyak membaca. Bahkan kedudukan buku sastera berbanding buku bidang lain juga di dapat adalah

---

<sup>26</sup>Shahnon Ahmad, *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 13-14.

lebih baik. Ini dapat dilihat dari jumlah jualan. Buku sastera adalah lebih banyak terjual berbanding buku bidang lain.

Kajian ini dengan jelas mendapati kefahaman guru dan pelajar terhadap peranan dan fungsi sastera juga adalah baik. Sebahagian besar mereka memahami kegunaan sastera dalam kehidupan seharian. Peranan dan kegunaan sastera juga adalah sama dengan peranan bidang lain seperti sains, ekonomi serta perubatan.

Namun begitu kekurangan ialah guru dan pelajar ini kurang membaca karya sastera walaupun menyedari peranan sastera. Maka keperluan sekarang ialah menyemai sikap suka membaca karya sastera. Dalam masa yang sama, DBP mestilah cuba menyediakan buku atau karya kreatif yang dapat benar-benar menarik mereka untuk membaca. Di pihak Kementerian Pendidikan, beberapa pengubahsuaian perlu dibuat terhadap kurikulum sastera yang dilaksanakan di sekolah menengah sekarang. Ini bagi memastikan minat berterusan pelajar terhadap sastera akan dapat dikekalkan walaupun pelajar sudah meninggalkan alam persekolahan. Jika ini dilakukan, kedudukan serta peranan sastera dalam masyarakat akan dapat terus dipertahankan.